

Akses kepada Pembiayaan

BAB 7

1. Perniagaan Permulaan - Pembiayaan Peringkat Permulaan	128
2. Pengembangan Perniagaan - Pembiayaan untuk Pertumbuhan	131
3. Pemulihan - Memberikan Bantuan kepada yang Memerlukan	139
4. Pengembangan Akses kepada Pembiayaan	142




Sejajar dengan sifat ekonomi Malaysia yang pelbagai, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) semakin memerlukan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih khusus dan dibezakan bagi memenuhi keperluannya yang unik. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memperkukuh penyedia kewangan dan meluaskan saluran pembiayaan bagi memastikan PKS mempunyai akses kepada pembiayaan.

Landskap pembiayaan terus berubah pada tahun 2006 untuk memenuhi keperluan pembiayaan PKS sepanjang tiga peringkat utama kitaran hayat perniagaan - iaitu perniagaan permulaan, pengembangan perniagaan dan pemulihan. Institusi kewangan kekal sebagai sumber pembiayaan terbesar PKS, dengan pinjaman dan pembiayaan yang makin meningkat. Lebih banyak institusi kewangan menawarkan produk pembiayaan mikro untuk memenuhi keperluan usahawan mikro yang membentuk golongan terbesar PKS.

Bagi melengkapkan inisiatif ini, usaha terus ditumpukan pada pengukuhan penyediaan khidmat nasihat kewangan kepada PKS, bagi membantu mereka tentang “di mana dan bagaimana” untuk mendapatkan pembiayaan yang diperlukan.

Pembiayaan untuk PKS pada Tahun 2006



Sumber : Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2006, sejumlah RM48.1 bilion telah disediakan oleh institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan agensi lain kepada sebanyak 240,000 PKS.

Institusi kewangan kekal sebagai sumber pembiayaan terbesar PKS, dengan pinjaman dan pembiayaan yang makin meningkat

Di samping itu, 23 program dengan peruntukan sebanyak RM5.2 bilion telah dikenal pasti dan dilaksanakan bagi mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS. Pada tahun 2007, 27 program dengan peruntukan sebanyak RM2.4 bilion akan dilaksanakan.

Bagi meningkatkan lagi sokongan kepada PKS, pada tahun 2006, Bank Negara Malaysia menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM2.5 bilion kepada Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2, dan menubuhkan Tabung Khas untuk Pembiayaan Projek Luar Negeri berjumlah RM1 bilion dan tabung modal usaha niaga berjumlah RM150 juta untuk sektor pertanian. Di samping itu, dua produk pembiayaan perdagangan baharu untuk PKS telah diperkenalkan oleh Export-Import Bank of Malaysia Bhd. (EXIM Bank).

Pinjaman berjumlah RM46.5 bilion telah diluluskan kepada lebih daripada 102,000 akaun PKS oleh institusi perbankan dan IKP pada tahun 2006. Institusi perbankan merupakan penyedia utama dana kepada PKS, dengan jumlah kelulusan sebanyak RM39.6 bilion kepada lebih daripada 84,000 akaun PKS.

Pinjaman kepada PKS daripada institusi perbankan telah meningkat daripada 31.1% daripada jumlah pinjaman perniagaan pada tahun 2000 kepada 44.5% pada tahun 2006, mencerminkan trend yang meningkat. Jumlah pinjaman terkumpul PKS daripada institusi perbankan mencecah paras RM100 bilion pada tahun 2006. Selain itu, enam IKP, iaitu SME Bank, EXIM Bank, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, Bank Pembangunan dan Bank Pertanian Malaysia telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM6.9 bilion kepada lebih daripada 18,000 akaun PKS pada tahun 2006.

Bagi tahun 2007, institusi perbankan dan IKP disasarkan meluluskan pinjaman sebanyak RM51 bilion kepada 110,000 akaun PKS. Di samping itu, sasaran skim Kerajaan adalah untuk meluluskan pinjaman dan geran kepada kira-kira 37,000 PKS.



1. Perniagaan Permulaan - Pembiayaan Peringkat Permulaan

Perniagaan permulaan merupakan fasa paling mencabar dalam kitaran perniagaan PKS. Memandangkan institusi kewangan sering memerlukan rekod prestasi yang minimum, saluran pembiayaan yang berbeza sedang diwujudkan untuk menyokong keperluan pembiayaan perniagaan permulaan.

Penyedia pembiayaan utama bagi perniagaan permulaan ialah tabung modal usaha niaga (venture capital, VC) dan IKP serta Kerajaan, melalui geran dan pinjaman mudah.

Perniagaan baharu, terutamanya dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (Information and Communications Technology, ICT), boleh mendekati syarikat VC bagi memperoleh pembiayaan ekuiti. Jumlah dana yang tersedia bagi pelaburan VC meningkat 27.8% kepada RM3.3 bilion pada tahun 2006 daripada RM2.6 bilion pada tahun 2005. Dana ini dilaburkan dalam 460 syarikat berbanding dengan 380 syarikat pada tahun 2005.

Menyedari peri pentingnya perniagaan permulaan diberikan bantuan, Bank Negara Malaysia bersama dengan dua kumpulan perbankan telah mewujudkan dua tabung VC bernilai RM150 juta bagi setiap satu untuk sektor teknologi pada tahun 2000. Tabung ini bertujuan menyediakan pembiayaan ekuiti untuk menyokong pembangunan sektor teknologi, dengan tumpuan pada subsektor ICT, perkilangan berteknologi tinggi dan sains hayat. Menjelang akhir tahun 2006, sejumlah RM244.3 juta telah dilaburkan dalam 83 buah syarikat.

Tabung VC bagi Pertanian

Tiga tabung VC berjumlah RM500 juta telah diwujudkan secara bersama oleh Bank Negara Malaysia, Khazanah Nasional dan dua kumpulan perbankan pada tahun 2006 dan 2007, bagi menyokong matlamat membangunkan sektor pertanian. Tujuan tabung tersebut adalah untuk mewujudkan dan membangunkan perniagaan pertanian bersepadu, khususnya dalam perladangan, perikanan dan ternakan, serta untuk membiayai projek pertanian intensif teknologi baharu, termasuk bioteknologi.

Terdapat tujuh lagi tabung VC utama Kerajaan termasuk:

- Dana VC Malaysian Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) bagi PKS yang terbabit dalam sektor pertumbuhan pesat termasuk komunikasi dan rangkaian, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, bioteknologi dan sains hayat, internet dan eelektronik serta separa konduktor. Saiz tabung yang diperuntukkan ialah RM450 juta dan pada tahun 2006, sebanyak RM277.7 juta telah dikeluarkan kepada 104 buah syarikat;
- Tabung Modal Sains Hayat Malaysia, satu tabung VC bioteknologi yang diuruskan secara bersama oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (Malaysian Technology Development Corporation, MTDC) dan Burill & Co, dilancarkan pada tahun 2006. Tabung sebanyak USD150 juta itu bakal memberikan peluang kepada para pelabur untuk mempelbagaikan dan menambahkan pengetahuan dalam perniagaan bioteknologi. Seiring dengan inisiatif Bionexus, tabung tersebut akan menyediakan asas bagi pembangunan industri bioteknologi Malaysia;
- Tabung VC bagi pengkomersialan peringkat awal, yang diuruskan oleh MTDC mempunyai peruntukan sebanyak RM250 juta. Tabung itu diwujudkan untuk membangunkan syarikat teknologi dalam sektor bukan ICT, dan telah mengeluarkan sebanyak RM69 juta kepada empat buah syarikat pada tahun 2006; dan
- Tabung VC MSC Venture One (MV1) dengan peruntukan sebanyak RM120 juta, telah diwujudkan pada tahun 2001 untuk membangunkan industri ICT dan multimedia. Pada akhir tahun 2006, MV1 telah mengeluarkan sebanyak RM148 juta kepada 23 buah syarikat.

Pada tahun 2006, 15 PKS dan usahawan diberikan bantuan pembiayaan permulaan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation, MOSTI) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (Ministry of Rural and Regional Development, MRRD), manakala Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur and Co-operative Development, MECD) menyediakan pinjaman mudah melalui Agensinya, bagi perniagaan permulaan dan usahawan baharu. Program Dana Pra-Benih Usahawan Tekno Perbadanan Pembangunan Multimedia (Multimedia Development Corporation, MDeC) yang dilancarkan pada tahun 2006 merupakan satu lagi inisiatif untuk menyokong pembiayaan peringkat awal bagi menggalakkan pertumbuhan usahawan tekno dan PKS berasaskan pengetahuan dalam membangunkan projek ICT yang berdaya maju.

Di samping itu, perniagaan pemulaan dengan produk yang berdaya maju dari segi pasaran atau perkhidmatan yang sedia untuk pengkomersialan boleh memohon produk PKS Permulaan daripada SME Bank.

(Sila rujuk Rencana "SME Bank - Pemupukan PKS" dalam Bab ini bagi maklumat lanjut)

Program Status Bionexus



BioNexus Status ialah gelaran yang dianugerahkan kepada syarikat bioteknologi yang melayakkan mereka menikmati kelebihan yang terkandung dalam Bil Jaminan BioNexus. Ini termasuk:

- Kebebasan pemilikan dan kebebasan memperoleh sumber dana secara global;
- Pengambilan pekerja berpengetahuan atau berkebolehan tanpa had;
- Kelayakan mendapatkan pelbagai insentif dan pembangunan;
- Peruntukan bagi membolehkan akreditasi piawai antarabangsa, perlindungan harta intelektual dan penguatkuasaan yang setanding dengan piawai global;
- Akses kepada rangkaian maklumat sokongan dengan pusat penyelidikan kecemerlangan;
- Akses kepada makmal, kemudahan dan perkhidmatan perkongsian; dan
- Biotech Corporation sebagai agensi sehenti yang menyediakan pilihan secara pantas bagi kelulusan dan lesen Kerajaan.

Tiga jenis geran pengkomersialan tersedia bagi perniagaan iaitu Dana Benih, Dana Pemadanan R&D dan Dana Pemadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa.

(Untuk maklumat lanjut, sila layari www.biotechcorp.com.my)

2. Pengembangan Perniagaan - Pembiayaan untuk Pertumbuhan

Institusi perbankan merupakan sumber pembiayaan utama bagi modal kerja dan pemerolehan aset yang membolehkan PKS mengendalikan dan mengembangkan perniagaan mereka. Rangkaian produk yang ditawarkan meliputi pelbagai keperluan daripada kemudahan overdraf, kepada pembelian aset tetap seperti pemerolehan kilang dan pembiayaan perdagangan. Bagi melengkapi pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan, terdapat juga beberapa skim Kerajaan yang diwujudkan bagi membantu PKS mengembangkan perniagaan mereka. Pada tahun 2006, dua skim utama telah diperkenalkan, iaitu Pembiayaan Projek Luar Negeri dan Dana Perangsang Pertumbuhan PKS.

Pembiayaan Projek Luar Negeri

Bank Negara Malaysia mewujudkan Tabung Projek Luar Negeri bernilai RM1 bilion di EXIM Bank pada bulan Disember 2006. Matlamat dana tersebut adalah untuk memudahkan syarikat Malaysia yang mempunyai projek di luar negeri memperoleh pembiayaan daripada institusi kewangan domestik, melalui kemudahan jaminan dan pembiayaan bersama.

Di bawah kemudahan ini, EXIM Bank akan memberikan jaminan kepada pinjaman yang diperoleh syarikat yang layak bagi membiayai projek luar negeri daripada institusi kewangan domestik. Dengan kemudahan ini, syarikat, kontraktor dan penyedia perkhidmatan profesional Malaysia akan mempunyai akses yang lebih mudah kepada pembiayaan untuk usaha niaga mereka di luar negeri. Pada masa ini, empat kumpulan perbankan domestik menyertai skim jaminan ini.

(Untuk maklumat lanjut, sila layari www.eximbank.com.my).

Dana Perangsang Pertumbuhan PKS

Pada bulan Ogos 2006, SME Bank telah melancarkan Dana Perangsang Pertumbuhan PKS berjumlah RM1 bilion bagi membantu PKS mengembangkan perniagaan mereka. Dana tersebut akan mengambil ekuiti sehingga 26% dalam PKS yang mempunyai rekod prestasi kendalian yang baik, terutamanya dalam sektor perkilangan dan komponen pemasangan, minyak dan gas serta pemprosesan makanan dan ICT.

Dengan sasaran pelaburan sebanyak RM160 juta pada tahun 2007, sepuluh PKS telah mendapat kelulusan bagi pembiayaan ekuiti berjumlah RM31.2 juta melalui dana tersebut, dengan setiap pembiayaan berjumlah antara RM2 juta hingga RM5 juta.

Penyertaan bank penting dalam menyediakan pembiayaan mikro memandangkan jumlah dananya yang besar dan cawangan yang luas. Ini memastikan jangkauan yang lebih luas kepada perusahaan mikro

Pembiayaan Mikro - Merapatkan Jurang

Dapatan Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005 menunjukkan bahawa 80% daripada PKS di Malaysia terdiri daripada perusahaan mikro (didefinisikan sebagai perniagaan dengan pekerja yang bekerja kurang daripada sepenuh masa, dan hasil jualan tahunan yang kurang daripada RM250,000 dalam sektor perkilangan dan RM200,000 dalam sektor pertanian dan perkhidmatan). Banci tersebut selanjutnya mendedahkan bahawa perusahaan mikro, terutamanya keempunyaan tunggal dalam sektor perkhidmatan, bergantung sebahagian besarnya pada sumber pembiayaan mereka sendiri dan peminjaman daripada keluarga dan rakan. Sebanyak 13% sahaja menyatakan bahawa mereka bergantung pada institusi kewangan untuk mendapatkan pembiayaan.

Bagi menangani hal ini, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) meluluskan rangka kerja keinstitusian pembiayaan mikro yang komprehensif untuk menggalakkan pembangunan industri pembiayaan mikro yang mampan di Malaysia, lantas menyediakan kepada perusahaan mikro saluran penting untuk mendapatkan pembiayaan daripada sistem kewangan formal. Dalam rangka kerja ini, institusi perbankan, IKP dan koperasi kredit telah dikenal pasti untuk menyediakan produk pembiayaan mikro bagi melengkapkan program pembiayaan mikro sedia ada yang ditaja oleh Kerajaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan TEKUN Nasional (TEKUN).

Bank Simpanan Nasional telah diberi mandat untuk menyediakan pembiayaan mikro bagi mempertingkatkan peranan IKP sebagai penyedia pembiayaan mikro. Bank Rakyat pula akan menyediakan pembiayaan mikro kepada ahli-ahli koperasi manakala Bank Pertanian akan terus menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani.

Di samping itu, usaha sedang dijalankan bagi menggalakkan institusi perbankan menyediakan pembiayaan mikro. Penyertaan bank penting memandangkan jumlah dananya yang besar dan rangkaian cawangan yang luas, yang membolehkan pembiayaan mikro dapat memberikan manfaat kepada lebih banyak perusahaan mikro.

Dengan adanya rangka kerja pembiayaan mikro, lebih banyak bank dan IKP telah melancarkan produk pembiayaan mikro untuk memberikan akses kepada pembiayaan yang cepat, fleksibel dan mudah kepada individu dan perusahaan mikro untuk aktiviti perniagaan mereka.

Produk pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi kewangan lazimnya mempunyai ciri utama berikut:

- Pinjaman kecil daripada RM500 sehingga RM50,000;
- Keperluan cagaran yang fleksibel;
- Tempoh pinjaman yang fleksibel iaitu dari 1 bulan hingga 5 tahun;
- Prosedur pinjaman yang mudah yang membolehkan pengeluaran pinjaman dengan segera; dan
- Insentif bagi menggalakkan amalan pembayaran balik yang baik.

Terdapat perbezaan ketara dalam perkhidmatan pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi kewangan termasuk pendekatan yang lebih bersifat peribadi untuk membina kepercayaan dan hubungan kerja yang baik dengan pelanggan, dan penilaian peminjam sering kali ditentukan oleh keperibadian dan rujukan daripada jiran tetangga, rakan dan ahli keluarga. Dengan adanya institusi kewangan yang memberikan akses kepada pembiayaan secara berterusan, perusahaan mikro akan dapat menikmati peningkatan potensi, yang apabila direalisasikan akan memberikan kesan limpahan yang positif terhadap ekonomi.

Logo pembiayaan mikro juga akan dihasilkan sebagai cara memberikan suatu identiti yang menonjol, dan bagi mewujudkan kesedaran dan pemahaman tentang pembiayaan mikro. Institusi kewangan yang menawarkan kemudahan pembiayaan mikro dan penerimanya akan digalakkan untuk mempamerkan logo ini di premis perniagaan mereka.

Selain pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi kewangan, beberapa Kementerian dan Agensi turut menyediakan skim mikrokredit. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry, MOA) mempunyai peruntukan sebanyak RM30 juta bagi Skim Kredit Pengeluaran Makanan yang bertujuan menambahkan sumber pendapatan usahawan kecil dan mikro yang terbabit dalam pengeluaran makanan.

Dalam usaha membantu menggalakkan usahawan mikro Bumiputera, MECD telah membuat komitmen kewangan sebanyak RM50 juta untuk menyediakan pembiayaan mikrokredit bagi perniagaan permulaan di bawah TEKUN dan juga telah memperuntukkan sejumlah RM70 juta sebagai modal kerja bagi Pinjaman Perniagaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan RM150 juta bagi pinjaman perniagaan SME Bank.

Dengan jumlah sebanyak RM220,000 untuk membantu perusahaan mikro luar bandar dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, pertanian dan pelancongan, MRRD, melalui Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), sedang melaksanakan Pinjaman Industri Luar Bandar dan Bantuan Ekonomi Sampingan. Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), yang dilaksanakan dengan kerjasama SME Bank dan Bank Rakyat, tidak memerlukan PKS menyediakan penjamin atau cagaran apabila memohon pembiayaan. Menoleh ke tahun 2007, matlamat SPED adalah untuk memberikan pinjaman sehingga RM37 juta kepada 300 peminjam.

Menghulur Bantuan kepada Usahawan Mikro

Modal Usahawan Tani (MUST) ialah program pembiayaan mikro mampan yang ditawarkan oleh Bank Pertanian Malaysia. Dilancarkan pada bulan September 2005, MUST mempunyai ciri utama berikut:

- Tidak memerlukan cagaran; bakal peminjam yang mempunyai rekod kewangan selama tempoh minimum enam bulan akan layak mendapatkan pinjaman sekiranya dalam tempoh tersebut mereka mempunyai cukup simpanan untuk membayar faedah atas pinjaman;
- Peminjam layak mengambil pinjaman pertama berjumlah antara RM5,000 - RM10,000;
- Peminjam yang membuat pembayaran menepati waktu layak menerima insentif pembayaran balik;
- Jadual pembayaran balik yang fleksibel secara harian, mingguan atau bulanan; dan
- Dasar "Kenali pelanggan anda" atau hubungan rapat dipupuk antara pegawai kredit Bank Pertanian dengan peminjam mereka untuk memudahkan pungutan dan pemantauan prestasi perniagaan peminjam.

Dua tahun selepas pelancarannya, MUST menunjukkan prestasi yang teguh, dengan pinjaman berjumlah RM112.9 juta diluluskan kepada 10,685 usahawan mikro. Pinjaman mikro terkumpul berjumlah RM87.5 juta pada akhir bulan Mac 2007. Kadar pinjaman tak berbayar pula hanya pada 0.9% daripada jumlah pinjaman.

Peruntukan MUST menunjukkan betapa besarnya manfaat pinjaman yang kecil buat kehidupan usahawan mikro. Melalui MUST, mereka dapat memastikan perniagaan mereka berkembang maju dan dengan pendapatan yang bertambah mereka dapat menaikkan taraf hidup.



Memberikan Bantuan Kepada Golongan Miskin

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah ditubuhkan pada tahun 1987 sebagai pertubuhan bukan Kerajaan yang diberi mandat untuk membasmi kemiskinan di Malaysia. AIM membantu usahawan mikro yang dipanggil “sahabat”, dengan menyediakan pembiayaan mikro. Pendekatan pinjaman berasaskan kumpulan yang dilaksanakan oleh AIM mencontohi model terkenal Grameen Bank, yang ditubuhkan oleh Profesor Muhammad Yunus, pemenang Nobel Anugerah Keamanan pada tahun 2006.

Kelayakan bagi pinjaman AIM ialah pendapatan isi rumah bagi setiap “sahabat” hendaklah lebih rendah daripada pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan. “Sahabat” yang layak kemudiannya perlu membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada lima “sahabat”. Tanggungjawab terhadap setiap ahli bertindak sebagai satu bentuk tekanan rakan (peer pressure) bagi menerapkan budaya pembayaran balik yang baik. Ahli kumpulan juga perlu menghadiri mesyuarat “sahabat” mingguan bagi membantu menanam disiplin dan komitmen kewangan yang berterusan untuk mewujudkan budaya berjimat cermat.

Ciri utama produk pembiayaan mikro AIM adalah seperti yang berikut:

- “Sahabat” layak meminjam sehingga RM2,000 bagi pinjaman pertama dan jumlah pinjaman seterusnya boleh mencapai sehingga RM20,000;



- Tempoh pinjaman dari enam bulan hingga tiga tahun; dan
- Tiada cagaran ataupun penjamin diperlukan.

Selepas beroperasi hampir 20 tahun, AIM menunjukkan prestasi yang teguh. Pada akhir bulan Mac 2007, jumlah bilangan “sahabat” ialah sebanyak 162,756 dengan RM330.3 juta pinjaman terkumpul. Kadar pembayaran balik adalah memberangsangkan sebanyak 97%.

Pencapaian AIM membuktikan bahawa mikrokredit sememangnya boleh menjadi pemangkin yang hebat bagi pertumbuhan. Dalam kajian impak yang dijalankan pada tahun 2005 oleh AIM bagi menilai keberkesanan skim mikrokreditnya, dapatannya agak positif. Daripada 1,497 “sahabat” yang merupakan penerima pinjaman di bawah skim AIM bagi purata enam tahun, 90% berjaya menaikkan taraf hidup mereka melepasi garis kemiskinan* dan 27% kini memperoleh pendapatan yang stabil melebihi RM2,000 sebulan.

**Garis kemiskinan adalah kurang daripada RM529 sebulan (Rancangan Malaysia Kelapan)*

Kisah Kejayaan IKS


Wang yang Sedikit Dapat Memberikan Manfaat Besar

Mustika Hati Enterprise ialah contoh yang baik tentang bagaimana wang yang sedikit dapat memberikan manfaat yang besar. Bertempat di sebuah rumah kampung, pengasas Musringah Bt. Ismon, mula menjual kuih pau secara kecil-kecilan pada tahun 1988. Pau tersebut dijual di kedai berdekatan dan selepas beberapa lama berniaga, dan apabila permintaan terhadap produknya semakin meningkat, modal kerja tambahan diperlukan.

Mustika Hati Enterprise mendekati AIM untuk mendapatkan pembiayaan dan berjaya memperoleh pinjaman sebanyak RM500 yang perlu dibayar balik dalam jangka masa setahun. Sepanjang tahun itu, perniagaan tersebut makin berkembang dan pinjaman yang lebih besar sebanyak RM1,000 telah diperolehi untuk membiayai modal kerja perniagaan.



Bantuan dan nasihat berharga tentang bagaimana untuk mengembangkan perniagaan juga diterima daripada Jabatan Pertanian Selangor. Pada tahun 1994, Mustika Hati Enterprise menerima mesin pertamanya - mesin pengadun yang digunakan untuk mengadun inti pau, yang sebelumnya dibuat dengan tangan. Mesin ini yang bernilai RM2,600 telah dipinjamkan menerusi Dana Industri Kampung dan memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kecekapan pengeluaran. Pada tahun 2001, proses menghasilkan pau telah berpindah daripada dapur rumah pengasas ke bengkel pengeluaran di sebelah rumah, dan separuh daripada kosnya dibiayai menerusi pinjaman daripada AIM.



Pengasas juga turut menjalani kursus latihan yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian, termasuk kursus pemasaran dan perakaunan. Mustika Hati Enterprise menyertai banyak ekspo dan pameran perdagangan yang membantu mempamerkan produk syarikat kepada pasaran yang lebih luas. Syarikat itu juga turut menyertai pameran perdagangan di Dubai pada tahun 2007, satu pencapaian yang besar berbanding dengan masa memulakan perniagaan ketika produk hanya dijual di kedai berdekatan sahaja. Bila diimbak kembali, pengasas percaya bahawa kesabaran dan kepercayaan pada diri sendiri merupakan dua sifat utama yang membantu beliau memacu perniagaan beliau dengan jayanya.

Kini, Mustika Hati Enterprise mempunyai enam orang pekerja yang mengeluarkan lebih daripada 3,000 biji pau sehari. Rangkaian produk telah ditambah dengan lapan jenis pau pelbagai inti seperti kelapa, ikan sardin dan kari ayam. Pinjaman sebanyak RM20,000 telah diperolehi untuk membiayai mesin tambahan seperti mesin pengukus yang diperlukan bagi penambahan pengeluaran tersebut. Pengasas Mustika Hati Enterprise telah diiktiraf atas pencapaian beliau membangunkan perusahaan daripada rumah dengan jayanya. Beliau telah menerima beberapa anugerah termasuk Anugerah Usahawan Wanita Berpotensi (2001), Tokoh Usahawan Wanita Bumiputera Negeri Selangor (2002-2004) dan Anugerah Tokoh Wanita Cemerlang Negeri Selangor (2004).

3. Pemulihan - Memberikan Bantuan kepada yang Memerlukan

Semakin jauh PKS merentasi kitaran perniagaannya, pengurusan hutang merupakan masalah biasa yang dihadapi mereka. Banyak yang diperkatakan tentang PKS yang tidak tahu membezakan antara wang syarikat dan wang mereka sendiri. Walaupun usaha telah dilipatgandakan untuk membantu PKS menguruskan kewangan mereka dengan baik, hakikatnya ada PKS yang menghadapi masalah kewangan disebabkan pelbagai faktor, yang seterusnya menyebabkan mereka menghadapi masalah membayar balik pinjaman.

Bagi membantu PKS tersebut, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan Skim Penyelesaian Hutang Kecil (SPHK) pada bulan November 2003. Skim ini bertujuan memudahkan penyusunan semula pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) PKS yang mempunyai perniagaan yang sedang berjalan dan berdaya maju. Di bawah SPHK, Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil membuat penilaian bebas tentang daya maju perniagaan dan keperluan penyusunan semula pinjaman dan pembiayaan PKS.

Pada akhir bulan April 2007, SPHK telah menerima 582 permohonan dengan NPL sebanyak RM423 juta. Daripada jumlah ini, 450 permohonan diluluskan bagi penyusunan semula, membabitkan NPL berjumlah RM 278 juta. Pembiayaan baharu berjumlah RM20 juta telah diluluskan bagi 39 permohonan. Prestasi skim ini menunjukkan bahawa penyusunan semula NPL terus menjadi tunggak utama dalam menyokong daya maju dan kemampuan PKS yang mengalami masalah kewangan, dengan pembiayaan baharu diberikan secara terpilih terutamanya kepada PKS yang mempunyai projek baharu.

Bagi mendapat bantuan di bawah SPHK, pemohon perlu mengisi borang permohonan SPHK yang boleh didapati daripada institusi perbankan, ERF Sdn. Bhd. dan Bank Negara Malaysia. Borang tersebut juga boleh dimuat turun daripada www.smeinfo.com.my.

Di samping itu, Laman Informasi, Nasihat, dan Khidmat (LINK) di Bank Negara Malaysia memberikan khidmat nasihat kewangan berikut kepada PKS:

- Maklumat tentang pelbagai sumber pembiayaan yang tersedia untuk PKS;
- Bantuan memudahkan proses permohonan pinjaman; dan
- Nasihat tentang keperluan kewangan dan masalah PKS.

Pada tahun 2006, bilangan pertanyaan dan bantuan yang diminta oleh PKS adalah sebanyak 4,186 (2005: 4,037), mencerminkan kesedaran berterusan dalam kalangan PKS tentang perkhidmatan tersebut yang terdapat di Bank Negara Malaysia. Daripada bilangan tersebut, 77% merupakan pertanyaan tentang tabung khas yang disediakan oleh Kerajaan dan nasihat berhubung dengan pinjaman manakala 23% lagi merupakan permintaan bagi mendapatkan bantuan, terutamanya bagi penyusunan semula dan penolakan pinjaman.

Kisah Kejayaan IKS

Penyusunan Semula untuk Mencapai Kejayaan

Extra-Built Sdn. Bhd. melalui kerjasamanya dengan Philips, telah berjaya mengembangkan perniagaannya dengan pesat dan kini merupakan pengeluar dan peniaga projek Bumiputera tunggal di Malaysia bagi produk lampu Philips. Daripada peringkat yang rendah dalam perniagaan produk lampu, perubahan penting dalam hala tuju perniagaan syarikat ini berlaku apabila ia berjaya memperoleh kontrak pengeluaran yang besar daripada Philips. Perniagaan bertambah maju sehinggalah berlakunya kemerosotan pada tahun 1988. Dengan jumlah jualan yang menurun dengan mendadak, Extra-Built Sdn.Bhd. menghadapi masalah membayar balik pinjaman dan juga untuk mengekalkan pekerja sebanyak lebih daripada 50 orang.



Extra-Built Sdn. Bhd. kemudiannya memohon bantuan daripada Bank Negara Malaysia di bawah Skim Penyelesaian Hutang Kecil. Selepas menilai daya maju perniagaan tersebut, Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil (JPHK) menyarankan agar NPL syarikat yang sedia ada disusun semula. Ini termasuk melanjutkan tempoh pinjaman untuk memberikan ruang kepada syarikat ini memenuhi tanggungjawab kewangannya. Di samping itu, oleh sebab perniagaan syarikat ini dikenal pasti mempunyai masa depan yang cerah, JPHK juga menyarankan agar ERF Sdn. Bhd. memberikan pinjaman baharu kepada syarikat ini bagi membolehkan perniagaan berkembang.



Ini terbukti sebagai langkah paling berkesan yang diambil oleh Extra-Built Sdn. Bhd. Dengan pinjaman yang disusun semula dan pemberian pembiayaan tambahan, syarikat ini dapat mempergunakan pasaran yang sedang meningkat. Sejak itu, syarikat ini telah berkembang dengan pesat - hasil meningkat daripada RM300,000 pada tahun 1996 kepada lebih daripada RM4 juta pada tahun 2006. Produk juga kini dieksport ke Vietnam, Thailand dan Indonesia, dan syarikat ini kini sedang melebarkan sayapnya dengan menceburi perniagaan rangkaian lampu jalan yang baharu.

4. Pengembangan Akses kepada Pembiayaan


Penambahan Pinjaman daripada Sistem Perbankan

Oleh sebab sistem perbankan menyediakan sumber pembiayaan yang paling penting bagi ekonomi secara keseluruhan, strategi penting ialah memastikan akses kepada pembiayaan institusi perbankan yang cukup bagi PKS. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan supaya institusi perbankan menumpukan perhatian dan usaha ke arah memberikan perkhidmatan kewangan kepada PKS, terutamanya dalam memperkukuh kemudahan, jangkauan dan perkhidmatannya.

Kini, semua bank perdagangan mempunyai bahagian PKS khas yang bertanggungjawab menyediakan pinjaman dan juga perkhidmatan sokongan sampingan dan khidmat nasihat kepada PKS. Bank perdagangan juga mempunyai piagam pelanggan khas untuk PKS, yang memberikan maklumat yang perlu bagi memudahkan PKS memohon pembiayaan.

Pemberian pinjaman kepada PKS oleh institusi perbankan semakin meningkat. Pada akhir bulan Mac 2007, jumlah pinjaman PKS terkumpul ialah sebanyak RM107.3 bilion dan mencakupi 44.9% daripada jumlah pinjaman perniagaan, yang jauh lebih tinggi berbanding dengan RM70.5 bilion atau 31.1% pada tahun 2000. Pada tiga bulan pertama tahun 2007, institusi perbankan meluluskan pinjaman sebanyak RM10.7 bilion kepada kira-kira 24,000 akaun PKS.


Peningkatan Pemberian Pinjaman Kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dari segi sektor, pemberian pinjaman kepada PKS adalah pelbagai, dengan hampir dua pertiga daripadanya disalurkan kepada sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, perkilangan dan pembinaan.

Pinjaman kepada PKS Mengikut Sektor (pada akhir bulan Mac 2007)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi Kewangan Pembangunan

IKP merupakan institusi kewangan khas yang ditubuhkan untuk merangsang pertumbuhan sektor strategik yang dikenal pasti oleh Kerajaan. Fungsi utama IKP ialah memberikan perkhidmatan kewangan bagi melengkapkan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan.

Pada tiga bulan pertama tahun 2007, enam IKP di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia meluluskan pembiayaan sebanyak RM2.1 bilion kepada lebih daripada 4,100 akaun PKS (2006: RM6.9 bilion kepada 18,000 akaun PKS). Pinjaman terkumpul kepada PKS berjumlah RM13.3 bilion pada akhir bulan Mac 2007.

SME Bank - Pemupukan PKS



SME Bank - Pemupukan PKS

SME Bank telah ditubuhkan sebagai IKP untuk memupuk dan memenuhi keperluan PKS yang unik. Bank ini melengkapkan produk dan perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan oleh bank perdagangan melalui rangkaian perkhidmatan kewangan dan nasihat perniagaan yang komprehensif dan bersepadu. Peranan utamanya adalah untuk menyumbang kepada pertumbuhan masyarakat usahawan yang lebih teguh di Malaysia.

Sejak penubuhannya pada bulan Oktober 2005, SME Bank telah meluluskan dan mengeluarkan pinjaman sebanyak RM3.2 bilion kepada lebih daripada 1,900 akaun PKS. Pada akhir bulan Mac 2007, pinjaman terkumpul SME Bank kepada PKS ialah RM2 bilion.

Antara produk yang ditawarkan kepada PKS termasuk:

- PKS Permulaan - khas untuk semua perniagaan baharu termasuk ICT dan aktiviti asas tani. Produk ini disasarkan khusus untuk perniagaan yang mempunyai produk berdaya maju dari segi pasaran atau perkhidmatan yang sedia untuk pengkomersialan di dalam dan/atau di luar negeri;
- PKS Profesional - khas untuk mengembangkan perkhidmatan profesional sedia ada seperti firma perundangan, seni bina, audit dan pakar runding. Produk ini membantu PKS yang menawarkan perkhidmatan profesional untuk mengembangkan dan merangsang pertumbuhan perniagaan mereka;

- PKS Francais - melalui kerjasama dengan Perbadanan Nasional Berhad (PNS), produk ini memberikan tumpuan pada penilaian, pertumbuhan dan kemampunan bakal francaisor dan francaisi;
- PKS Pemerolehan - produk kewangan komprehensif yang bertujuan mempercepat akses kepada pembiayaan dan menyediakan sokongan pembangunan perniagaan bagi penjual, kontraktor atau penyedia perkhidmatan PKS kepada syarikat berkaitan Kerajaan, syarikat multinasional dan syarikat besar lain; dan
- PKS Global - produk ini bertujuan merangsang pembabitan aktif PKS dalam pasaran global.

SME Bank menubuhkan Pusat Khidmat Nasihat SME Bank untuk membantu PKS berkembang, membuat inovasi dan mencapai kecemerlangan dalam aktiviti perniagaan serta mengatasi masalah kewangan. Nasihat pakar tentang pemasaran, pembangunan perniagaan, pengendalian dan khidmat pelanggan turut disediakan.

(Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari www.smebank.com.my)

Pembiayaan Islam

Pembiayaan yang diberikan oleh institusi perbankan Islam kepada PKS menunjukkan trend peningkatan yang menggalakkan, mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 34.2% dari tahun 2001 - 2006. Pembiayaan Islam kepada PKS berjumlah RM10 bilion pada tahun 2006, mencakupi 9.6% daripada jumlah pinjaman PKS terkumpul sistem perbankan. Jumlah ini merupakan pertambahan ketara berbanding dengan jumlah pembiayaan Islam yang diberikan kepada PKS pada tahun 2000, iaitu hanya sebanyak RM1.7 bilion atau 2.4% daripada jumlah pinjaman PKS terkumpul sistem perbankan.

Institusi kewangan Islam memang berpotensi besar untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam menyediakan pilihan yang lebih luas kepada PKS bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Oleh itu, institusi kewangan Islam perlu memahami keperluan ini dan dapat menawarkan bukan sahaja produk baharu yang inovatif tetapi juga pakej pembiayaan yang menarik. Di samping itu, institusi kewangan Islam juga perlu mempergiat usaha bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan PKS tentang ciri unik produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Bank Negara Malaysia juga merancang memperkenalkan inisiatif berasaskan Syariah tambahan untuk tabung khas PKS sedia ada sebagai langkah untuk mempelbagaikan produk kewangan yang tersedia untuk PKS. Pengetahuan kewangan yang lebih mendalam tentang produk kewangan Islam akan memudahkan PKS membuat keputusan yang berkesan dan berdasarkan maklumat yang mencukupi, terhadap transaksi kewangan mereka.

Pada tahun 2006, perkongsian strategik antara Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC) dengan institusi kewangan Islam menyatukan dua matlamat penting Kerajaan, iaitu mempertingkatkan akses PKS kepada pembiayaan dan menggalakkan pertumbuhan kewangan Islam. Melalui perkongsian tersebut, CGC kini telah memperluas skop benefisiari jaminannya dengan memasukkan institusi perbankan Islam, yang dengannya PKS yang menjadi pelanggan bank-bank Islam boleh mendapatkan jaminan daripada CGC.

Pensekuritian Pinjaman PKS

Pada bulan Mei 2007, Cagamas Bhd., iaitu perbadanan gadai janji negara memperkenalkan pensekuritian pinjaman PKS yang pertama di Malaysia berjumlah RM600 juta melalui anak syarikat milik penuhnya, Cagamas SME Bhd. Sumber pinjaman tersebut ialah Malayan Banking Bhd. Program ini merupakan transaksi pensekuritian sintetik pertama di negara ini. Ia menggunakan derivatif kredit untuk memindahkan risiko kredit bagi mendapatkan potensi pelepasan modal dan pada masa yang sama mengekalkan pinjaman PKS dalam buku pengeluaran pinjaman. Sebanyak RM150 juta nota berkaitan kredit telah dikeluarkan kepada pelabur pasaran modal.

Melalui pensekuritian sedemikian, institusi perbankan boleh menjadi lebih fleksibel dalam menguruskan portfolio pinjaman PKS mereka dan terus mempertingkatkan keupayaan mereka untuk memberikan pinjaman kepada PKS. Di samping itu, pensekuritian membolehkan PKS secara tidak langsung mempergunakan pasaran modal untuk memperoleh pembiayaan, justeru meluaskan sumber dana mereka.

Credit Guarantee Corporation


Bagi mempertingkatkan lagi peranannya dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan PKS yang bersaing, CGC telah melaksanakan transformasi pada tahun 2005. CGC merupakan penyedia utama perkhidmatan jaminan untuk membantu PKS yang tidak mempunyai cagaran yang mencukupi atau tidak mempunyai sebarang cagaran, mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan. Transformasi ini bertujuan mengubah CGC daripada penyedia jaminan tradisional kepada institusi yang berkesan dan mampan dari segi kewangan yang dapat memenuhi keperluan semasa dan juga keperluan PKS yang berubah, melalui penyediaan produk penambahbaikan kredit yang lebih meluas, khidmat nasihat kewangan dan pembangunan perniagaan serta perkhidmatan maklumat kredit.



CGC telah menunjukkan kemajuan yang membanggakan dalam proses transformasi ini. Pada tahun 2006, CGC memperkenalkan Skim Penambah Baik Kredit yang memperkenalkan struktur penentuan harga berlaras risiko untuk membolehkan lebih banyak PKS mendapat manfaat daripada jaminan CGC. Bagi tujuan ini juga CGC telah memperluas skop benefisiari jaminannya dengan memasukkan bank-bank Islam dan IKP. Dalam usaha untuk merapatkan jurang pembiayaan ekuiti bagi PKS peringkat permulaan, CGC telah menubuhkan bahagian pembiayaan ekuiti melalui usaha sama dengan sebuah syarikat pengurusan dana antarabangsa yang terkemuka.

CGC membantu PKS mendapatkan pembiayaan melalui penyediaan jaminan bagi pinjaman yang diperoleh daripada institusi kewangan. Jaminan tersebut disalurkan melalui beberapa skim yang dirumuskan mengikut keperluan PKS. Sejak penubuhannya pada tahun 1972, CGC telah meluluskan lebih daripada 385,000 permohonan berjumlah RM34.5 bilion melalui pelbagai skimnya. Pada tahun 2006, CGC meluluskan 7,500 permohonan pinjaman berjumlah lebih daripada RM3 bilion.

Kisah Kejayaan IKS Penyelesaian Terjamin



Rodney Boudville berjaya mengesan kelebihan yang dimilikinya untuk berjaya dalam pasaran. Berbekalkan wang simpanan isterinya dan menjalankan operasi perniagaan daripada rumah, beliau merealisasikan ideanya menjadi syarikat pembekal pembungkus plastik yang dinamai Grace Interlink (M) Sdn Bhd yang ditubuhkan pada bulan Januari 2003.

Hasil pada bulan pertama operasi berjumlah RM11,000, dan seterusnya mencatatkan peningkatan yang stabil. Beliau begitu berdisiplin dalam membuat pembayaran. Oleh itu, beliau mendapat sokongan daripada pembekalnya, yang memberikannya tempoh kredit selama 120 hari. Pada akhir tahun 2003, hasil berjumlah RM960,000. Pelanggan mula membuat tempahan yang lebih besar. Meskipun beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan pembekal sejak dahulu lagi, namun mereka tidak dapat memberikan jumlah kredit yang semakin meningkat yang diperlukan Rodney.

Bagi meningkatkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi, pinjaman modal kerja diperlukan. Namun, dengan rekod prestasi yang singkat, beliau menghadapi kesukaran mendapat pinjaman daripada bank.



Pada tahun 2004, perniagaan beliau semakin berjaya. Anak Malaysia berazam kuat ini berjaya mendapat kontrak eksport pembungkus yang bernilai jutaan ringgit. Seorang sahabat mencadangkan supaya Rodney mendapatkan bantuan CGC. Dengan jaminan CGC, Grace Interlink mendapat pinjaman sebanyak RM400,000. Kebiasaannya membayar pembekal dengan berdisiplin sejak dahulu kini diterapkannya dalam pembayaran balik pinjaman banknya.

Sejak itu, hasil hampir berlipat ganda setiap tahun, dengan sejumlah RM4.6 juta diraih pada tahun 2006. Rodney menganggap CGC memainkan peranan penting dalam kejayaan perniagaannya. Ini kerana CGC membolehkan beliau mendapat pinjaman tambahan untuk membantu perniagaannya yang pada masa itu masih mentah untuk berkembang sehingga menjadi perniagaan yang berjaya hari ini. Selain idea bernasnya, Rodney percaya bahawa pendekatan yang diambil, iaitu mengambil masa untuk membina hubungan baik dengan para pelanggan dan pembekal serta sifat tidak kenal erti kalah dalam menyempurnakan sesuatu pekerjaan merupakan penyumbang kepada kejayaan beliau.



Dana Khas PKS Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia menyediakan lima dana khas bagi PKS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11.4 bilion. Dana tersebut bertujuan meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS pada kos yang berpatutan. Kadar pinjaman dana khas tersebut adalah antara 3.75% hingga 6%. Dana tersebut disalurkan melalui institusi kewangan peserta yang terdiri daripada institusi perbankan, IKP, dan ERF Sdn. Bhd. Dana tersebut ialah:

- Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 (saiz dana: RM6.75 bilion);
- Tabung Usahawan Baru 2 (saiz dana: RM2.85 bilion);
- Tabung untuk Makanan (saiz dana: RM1.3 bilion);
- Tabung Pemulihan untuk Perniagaan Kecil (saiz dana: RM200 juta); dan
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera (saiz dana: RM300 juta).

Lantaran permintaan yang sangat tinggi, peruntukan bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) telah ditambah sebanyak RM2 bilion kepada RM6.75 bilion manakala Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2) ditambah sebanyak RM500 juta kepada RM2.85 bilion pada tahun 2006. Bagi memastikan dana ini mempunyai jangkauan yang lebih luas, Bank Negara Malaysia telah mengkaji semula kriteria kelayakan pada bulan April 2006. Sejak penubuhan TIKS2 pada tahun 2000, pinjaman sebanyak RM7.8 bilion diluluskan kepada lebih daripada 12,200 PKS manakala bagi TUB2 pula, pinjaman sebanyak RM3.2 bilion diluluskan kepada lebih daripada 4,900 PKS sejak tabung ini ditubuhkan pada tahun 2001.

Pembiayaan Kerajaan untuk PKS

Di samping pembiayaan daripada sektor swasta, Kerajaan melalui Kementerian dan Agensinya juga menyediakan pembiayaan kepada PKS. Dana Kerajaan untuk PKS sebahagian besarnya adalah bagi tujuan pemupukan dan pembangunan.

Prestasi Dana/Skim Kerajaan (pada bulan Disember 2006)

Bil.	Jenis Bantuan	Bilangan Skim	Peruntukan (RM bilion)	Permohonan Diluluskan	Dibayar	Terkumpul
				Bil.	(RM bilion)	
1	Pinjaman*	59	11.83	1,003,548	65.52	5.09
2	Geran	20	2.27	26,050	0.60	N/A
3	Ekuiti	2	0.08	130	0.53	0.53
4	Modal Usaha Niaga	7	1.57	142	0.42	0.31
5	Pinjaman dan Ekuiti	3	0.56	1,512	0.49	0.37
	Jumlah	91	16.31	1,031,382	67.56	6.30

*Termasuk skim bagi perusahaan mikro - skim mikrokredit (oleh Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia), Yayasan Tekun Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana dan skim tersebut mempunyai pelbagai matlamat, yang secara ringkas adalah seperti yang berikut:

- Untuk menggalakkan PKS menjadi lebih inovatif dalam menggunakan dan mengadaptasi kepada teknologi dan proses yang sedia ada dan yang baharu;
- Untuk meningkatkan kualiti produk;
- Untuk membantu PKS menjalankan kajian kemungkinan pasaran dan teknologi, menyediakan perancangan perniagaan dan merumuskan strategi pasaran dalam negeri dan eksport;
- Untuk menggalakkan pembangunan PKS Bumiputera; dan
- Untuk membantu belia termasuk siswazah menceburi bidang perniagaan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang Pembiayaan Kerajaan, sila layari www.smeinfo.com.my atau rujuk Buku Panduan "Dasar, Insentif, Program dan Bantuan Kewangan untuk PKS" daripada SMIDEC

Dana Bagi Perniagaan yang Terjejas Akibat Banjir

Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa sebanyak RM500 juta untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh perniagaan yang terjejas oleh banjir yang melanda negara pada bulan Disember 2006 dan Januari 2007.

Di bawah kemudahan ini, perniagaan yang terjejas akibat banjir boleh memperoleh pembiayaan daripada semua bank perdagangan, bank-bank Islam, SME Bank, Bank Rakyat dan Bank Pertanian Malaysia. CGC memberikan jaminan 80% bagi pembiayaan yang diperoleh.

Kemudahan ini disediakan sepanjang bulan Januari 2007 hingga April 2007 dan ciri pentingnya termasuk:

- Disediakan untuk perniagaan yang terjejas akibat banjir;
- Jumlah pembiayaan maksimum - RM500,000 bagi setiap kumpulan syarikat;
- Kadar pembiayaan yang dikenakan ialah 2.5% setahun; dan
- Tempoh pembiayaan sehingga lima tahun.

Kemudahan ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Lebih daripada 5,000 permohonan diterima. Daripada jumlah tersebut, 3,250 permohonan diluluskan dan RM244.1 juta telah dikeluarkan pada akhir bulan April 2007.

Di samping kemudahan tersebut, institusi perbankan dan penanggung insurans turut digalakkan melaksanakan program bantuan bagi mengurangkan beban kewangan pelanggan mereka yang terjejas akibat banjir. Langkah-langkah yang diambil termasuk penangguhan sementara pembayaran balik pinjaman, penyusunan atau penjadualan semula pinjaman, pemansuhan bayaran transaksi dan/atau program kewangan, pembayaran tuntutan insurans yang lebih pantas, dan pelanjutan masa perniagaan bagi kawasan yang terbabat.

Cabaran dalam meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS ialah memastikan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan memenuhi keperluan PKS yang amat pelbagai dan dinamik. Rangkaian dan jumlah pembiayaan yang tersedia untuk PKS semakin bertambah memandangkan akses PKS kepada pembiayaan telah bertambah baik. Langkah telah dilaksanakan termasuk PKS Permulaan yang menyokong pewujudan lebih banyak usahawan di Malaysia serta bantuan penyusunan semula hutang yang lebih komprehensif di bawah SPHK Bank Negara Malaysia. Pembiayaan mikro juga semakin meningkat dengan pelbagai skim pembiayaan kini disediakan untuk perusahaan mikro oleh institusi kewangan dan juga agensi Kerajaan.